

APC cerminan amanah, integriti penjawat awam

Noor Afzan Zakaria

Timbalan Pendaftar, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah antara pengiktirafan tertinggi dalam perkhidmatan awam kepada kakitangan kerajaan.

Ini bukan sekadar ganjaran tahunan, tetapi simbol amanah, prestasi dan nilai integriti dijunjung penjawat awam yang memberi perkhidmatan cemerlang.

Ramai dalam penjawat awam menyangka APC adalah hak automatik selepas beberapa tahun bekerja. Ada yang merasakan mereka layak hanya kerana hadir setiap hari, balik lewat setiap petang dan jarang ambil cuti.

Benar, disiplin itu penting, tetapi APC bukan ganjaran kepada kehadiran, ia adalah pengiktirafan kepada sumbangan luar jangka dan prestasi melebihi jangkaan.

Ia dinilai berdasarkan pelbagai kriteria, termasuk Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT), sumbangan khas, nilai murni serta impak kepada organisasi. APC bukan soal siapa lama, siapa rajin bersuara, siapa popular atau siapa 'anak emas', sebaliknya untuk mereka yang bekerja bukan hanya melengkapkan tugas, tetapi memberi makna kepada tugas itu.

Anugerah ini bukan puncak kejayaan, ia permulaan kepada tanggungjawab lebih besar. Penerima APC menjadi simbol kepada nilai kerja cemerlang dan sebarang tindakan selepas itu akan menentukan sama ada pengiktirafan itu benar-benar wajar atau sekadar formaliti.

Jangan berubah sikap selepas menerima APC misalnya, memilih kerja dan berasa diri lebih hebat. Ini bukan cemerlang, ini rosak. Orang yang benar-benar cemerlang tidak menghebahkan kehebatan mereka.

Mereka bekerja senyap, tapi hasilnya mengangakat ramai. Itulah cemerlang sebenar. Tidak terpilih tidak seharusnya berubah cara kerja. Ada yang mula hilang semangat, bekerja sambil lewa, menyebarkan rasa negatif, malah membenci sistem.

Pemilihan APC bukan boleh dibuat dalam mesyuarat satu jam, tanpa semakan prestasi adil dan menyeluruh. Penjawat awam juga tidak boleh meletakkan seluruh beban penghargaan kepada APC semata-mata.

Pengiktirafan perlu wujud sepanjang masa. Organisasi matang tidak menunggu setahun sekali untuk menghargai kakitangan. Tidak semua orang akan dapat APC. Tidak semua yang tidak terpilih itu tidak layak. Tidak semua yang terpilih itu benar-benar terbaik. Tapi, semua orang boleh men-

jadi cemerlang, jika bekerja dengan hati.

Inilah kenyataan perlu diterima dengan reda dan positif. Kita tidak boleh mengukur segala nilai kerja hanya dengan satu sijil. Penjawat awam sejati tidak bergantung kepada sijil untuk rasa bernilai. APC mungkin tidak sampai ke tangan, tetapi keberkatan akan sampai ke hidup kita.

Jangan kejar APC sampai hilang maruah diri. Jangan kejar pengiktirafan sampai hilang semangat memberi. Penjawat awam patut bekerja bukan untuk menunggu pengiktirafan, tetapi mencipta kesan.

Jadilah penjawat awam bekerja dengan hati, menjunjung nilai dan terus memberi tanpa mengira ganjaran. Cemerlang bukan kerana terpilih tetapi kerana memilih untuk berbakti.



Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my